

(CUIC) dan memberikan peluang kepada Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mencari pekerjaan.

Hab CIUC yang dirasmikan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak pada 25 Ogos lalu adalah untuk kegunaan semua kakitangan, pelajar dan graduan UUM.

Pengarah Pusat Kerjasama CUIC, Prof. Madya Dr. Shahrizan Hassan, berkata hab ini akan menjadi tempat pertemuan pelbagai pihak, khususnya CUIC bersama industri.

Katanya, para pensyarah juga boleh menggunakan hab ini sebagai tujuan penyelidikan dan pengajaran.

Beliau berkata, antara aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan oleh hab ini ialah temuduga dalam kampus, memberi informasi berkaitan kerjaya, jawatan kosong dan latihan praktikum.

"Aktiviti lain ialah menganjurkan bengkel, ceramah, lawatan ke organisasi, acara pembangunan kerjaya dan labahan serta menyediakan kemudahan internet dan buku rujukan berkaitan kerjaya.

"Penubuhan CUIC bukan sahaja membantu pihak kolej dalam menentukan penempatan pra-tikum pelajar, bahkan menyelaraskan program industri PhD. UUM dan menyelaraskan peranan profesor atau felo adjung UUM," ujarnya.

Menurutnya, peranan lain ialah menyelaraskan aktiviti perundingan dan penyelidikan bersama industri serta aktiviti pengkomersilan produk penyelidikan.

Shahrizan berkata, bagi mengukuhkan kedudukan dan peranan CUIC, beberapa perubahan dalam struktur perjawatan dan pentadbiran dilakukan memabitkan pelantikan Pengerusi Program Kerjasama Industri diketuai oleh Dr. Sri Shanmugan dan Felo Penyelidik, Prof. Dr. Zakaria Abas sebagai anggota baru CUIC.

"Bagaimanapun, Bahagian Pengembangan Kerjaya yang mengurus program latihan industri staf, penempatan praktikum dan program pengukuhan kemahiran industri masih terus diterajui oleh Dr. Nor Idayu Mahat," katanya.

Beliau berkata, CUIC juga dalam merangka penubuhan CUIC Industry Advisory Council yang dianggotai oleh wakil-wakil industri serta UUM bagi membantu CUIC menentukan dasar dan matlamat serta peranan yang boleh dikembangkan.

Dalam pada itu, katanya, Program Pengembangan Kerjaya itu telah berjaya mendapat penyertaan daripada beberapa organisasi untuk menawarkan peluang pekerjaan serta penempatan praktikum kepada pelajar UUM, antaranya, Jabil Circuit Sdn Bhd, Flextronics Technology (Perang) Sdn Bhd, Titi Latex Sdn. Bhd, Rakan SMI, dan RHB Banking Group.

Katanya, CUIC juga telah membangunkan sebuah portal bagi meningkatkan keupayaan dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UUM.

"Melalui portal ini, pihak organisasi dan industri berupaya mendapatkan pelajar atau graduan UUM yang berpotensi untuk mengisi kekosongan jawatan dalam organisasi mereka," katanya.

Kemudahan ini adalah percuma dan ia meliputi keseluruhan aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan oleh CUIC. Mereka boleh layari greatjobs.com.my untuk turut serta dalam kemudahan ini.

Habis.